

06/12/1999

Pembentukan barisan Kabinet tumpuan Dr M

KUALA LUMPUR, Ahad - Tumpuan utama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas ini ialah pembentukan Kabinet baru Kerajaan Pusat selepas pelantikan Menteri Besar dan Ketua Menteri, kecuali bagi Kedah, sudah hampir selesai.

Perdana Menteri dijangka mengumumkan barisan Kabinetnya dalam tempoh terdekat ini setelah menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi mendapat perkenan.

Selain teka-teki mengenai siapa bakal menyandang jawatan Menteri Besar Kedah yang baru bagi menggantikan Tan Sri Sanusi Junid, perbualan kini menjurus kepada barisan Kabinet Kerajaan Pusat.

"Mungkin selepas barisan exco kerajaan-kerajaan negeri selesai mengangkat sumpah termasuk di Kedah, Perdana Menteri akan mengumumkan barisan Kabinetnya," kata satu sumber.

Bagaimanapun, pembantu Dr Mahathir ketika dihubungi hari ini memberitahu tarikh Perdana Menteri menghadap Yang di-pertuan Agong belum ditetapkan, tetapi dijangka mula menemui ketua-ketua parti komponen sepanjang minggu depan.

Kebiasaannya, ketua parti komponen mengemukakan cadangan nama pemimpin kanan mereka untuk dipertimbangkan sebagai menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri yang akan membuat keputusan muktamad sama ada menolak atau menerimanya.

Pembantu Dr Mahathir itu berkata, jadual Perdana Menteri untuk minggu depan masih "kosong" dan tidak mempunyai jadual khusus, tetapi kemungkinan waktu itu digunakan untuk menemui ketua parti komponen sebelum senarai muktamad Kabinet dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong bagi mendapat perkenan.

Esok, Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, masing-masing akan menemui Dr Mahathir di Putrajaya bagi mengemukakan senarai barisan anggota Exco baru.

Setakat ini, hanya Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik selain beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri, ada menemui Dr Mahathir yang menghadiri Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) yang berakhir di pulau itu, hari ini.

Antaranya ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, Sanusi dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Di Jitra hari ini, Dr Mahathir mengesahkan Shahidan kekal sebagai Menteri Besar Perlis tetapi memberitahu bahawa beliau memerlukan masa untuk memilih Menteri Besar Kedah yang baru bagi menggantikan Sanusi.

Dua nama yang disebut-sebut berpotensi untuk menggantikan Sanusi ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Seri yang juga tokoh agama, Fadzil Hanafi dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang juga Adun Kubang Rotan, Datuk Syed Razak Syed Zain Barakbah.

Fadzil, 42, adalah bekas penerbit di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Jawatan terakhirnya adalah sebagai Pengarah Bahagian Hal Ehwal Khas Jabatan Penerangan sebelum meletakkan jawatan untuk bertanding pada pilihan raya umum Isnin lalu.

Pemegang ijazah perundangan Islam dari Universiti al-Azhar itu menewaskan bekas guru agamanya, Niamat Yusoff daripada Pas dengan majoriti 440 undi. Beliau pernah bertanding pada pilihan raya umum 1995 menentang Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor di Kerusi DUN Bukit Raya, tetapi tewas.

Syed Razak, 55, pula menjadi Adun sejak 1986 dan jawatan terakhirnya sebelum pilihan raya Isnin lalu ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Beliau menewaskan calon Pas, Kassim Md Isa dengan undi majoriti 1,985.

Ketua Menteri Melaka yang baru, Datuk Mohd Ali Rustam dan rakan sejawatnya di Perak, Datuk Mohd Tajol Rosli sudah mengangkat sumpah masing-masing.

Begitu juga Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Terengganu yang baru, Abdul Hadi Awang, kedua-dua negeri itu dikuasai Pas, juga sudah mengangkat sumpah jawatan.

(END)